

## *Ciprofloxacin Sterile Ophthalmic Solution 0.3% w/v*

### KANDUNGAN RISALAH

1. Apakah kegunaan CIPOFAIN?
2. Bagaimana CIPOFAIN berfungsi?
3. Sebelum mengambil CIPOFAIN
4. Cara menggunakan CIPOFAIN
5. Semasa menggunakan CIPOFAIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CIPOFAIN
8. Maklumat lanjut

### APAKAH KEGUNAAN CIPOFAIN?

CIPOFAIN tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antibiotik *quinolone*. Ubat ini digunakan untuk merawat ulser kornea, konjunktivitis dan jangkitan bakteria yang lain pada mata.

### BAGAIMANA CIPOFAIN BERFUNGSI?

Ianya berfungsi dengan menghentikan pertumbuhan bakteria

### SEBELUM MENGAMBIL CIPOFAIN

#### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai **alahan** kepada *Ciprofloxacin* atau mana-mana antibiotik *quinolone* yang lain atau bahan-bahan lain seperti yang disenaraikan dalam Maklumat Lanjut.

Sila dapatkan nasihat daripada Doktor anda.

#### Sebelum mula mengambil

- Gunakan CIPOFAIN pada bahagian mata sahaja.
- Seperti antibiotik lain, **penggunaan CIPOFAIN dalam jangka masa yang panjang** boleh menyebabkan jangkitan lain. Jika gejala-gejala **menjadi semakin teruk atau datang semula**, sila dapatkan nasihat doktor. Anda mungkin akan terdedah kepada jangkitan lain apabila menggunakan ubat ini berpanjangan.
- Jika anda mengalami tanda-tanda awal ruam kulit atau reaksi alahan yang lain termasuk gatal-gatal, masalah pernafasan, anda perlu memberhentikan rawatan dan jumpa doktor dengan segera. Jika anda mengalami reaksi alahan yang serius anda mungkin perlu mendapatkan rawatan kecemasan.

- Jika anda rasa sakit, bengkak atau radang ketika atau tidak lama selepas menggunakan ubat ini, anda perlu memberhentikan rawatan dan jumpa doktor.
- Bagi warga tua atau mereka yang mengambil ubat 'corticosteroids' untuk rawatan menahan kesakitan dan radang, asma atau masalah kulit, anda mempunyai risiko tinggi untuk mendapat masalah tendon semasa mengambil CIPOFAIN. Hentikan rawatan dan rujuk kepada Doktor sekiranya anda mengalami sebarang keradangan.

#### Wanita mengandung dan menyusu

Jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung atau sedang menyusu bayi, anda **perlu mendapatkan nasihat doktor** sebelum menggunakan CIPOFAIN.

#### Memandu dan mengendalikan mesin

Jika penglihatan anda kabur atau terjejas apabila menggunakan CIPOFAIN, **anda dilarang memandu atau mengendalikan mesin sehingga penglihatan anda jelas semula.**

#### Jika mengambil ubat-ubat lain

**Sila beritahu doktor atau ahli farmasi** jika anda ada mengambil ubatan lain termasuk ubat bukan dipreskripsi. Jika anda mengambil lebih dari satu jenis ubat mata, anda perlu mengambilnya sekurang-kurangnya selang 5 minit. Ubat sapu (*ointment*) pada mata mesti digunakan terakhir.

#### Maklumat penting jika anda memakai kanta sentuh

CIPOFAIN mengandungi bahan pengawet (*benzalkonium klorida*) yang boleh menyebabkan ketidakselesaan dan boleh memudahkan warna kanta sentuh. Jangan memakai kanta sentuh semasa menggunakan rawatan CIPOFAIN.

### CARA MENGGUNAKAN CIPOFAIN

#### Berapa banyak harus digunakan

Kadar penggunaan CIPOFAIN adalah bergantung kepada jenis rawatan sama ada ulser kornea atau untuk beberapa jangkitan bakteria yang lain pada mata anda.

#### Ulser kornea

Penggunaan ubat ini **diteruskan pada waktu malam.**

Hari 1: 2 titisan setiap 15 minit untuk 6 jam pertama, dan kemudian 2 titisan setiap 30 minit

Hari 2: 2 titisan setiap 1 jam

Hari 3 – Hari 14: 2 titisan setiap 4 jam

Doktor akan memberitahu jika rawatan perlu diteruskan melebihi 14 hari.

#### Konjunktivitis

Guna dalam keadaan sedar, 1 atau 2 titisan setiap 2 jam untuk 2 hari pertama dan 1 atau 2 titisan setiap 4 jam untuk 5 hari seterusnya.

#### Bila perlu digunakan

Penting bagi anda **untuk terus menggunakan CIPOFAIN mengikut masa yang ditetapkan** oleh doktor walaupun jangkitan tersebut sudah baik. Jika anda berhenti menggunakan ubat tersebut terlalu awal dari tempohnya dikuatiri anda akan mengalami semula jangkitan tersebut.

#### Berapa lama perlu digunakan

**Anda tidak seharusnya menggunakan CIPOFAIN melebihi 21 hari**, melainkan anda mendapat arahan daripada doktor.

Ambil ubat ini mengikut kadar yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Jumpa doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

#### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu membilas mata dengan air suam jika anda merasakan berlebihan menggunakan ubat ini. Dos berlebihan *ciprofloxacin ophthalmic* tidak mungkin menyebabkan gejala yang mengancam nyawa

## *Ciprofloxacin Sterile Ophthalmic Solution 0.3% w/v*

### SEMASA MENGGUNAKAN CIPOFAIN

#### Perkara yang perlu dilakukan:

#### Langkah-langkah penggunaan:

1. Basuh tangan anda dengan sabun dan air sebelum dan selepas menggunakan CIPOFAIN.
2. Pastikan bahagian hujung botol tidak sumbing atau retak.
3. Elakkan hujung botol dari menyentuh mata atau bahagian-bahagian lain kerana CIPOFAIN perlu disimpan dalam keadaan bersih.
4. Untuk menitikkan ubat anda perlu dongakkan kepala ke belakang sedikit dan tarik kelopak bawah mata menggunakan hujung jari untuk membentuk poket.
5. Pegang botol (hujung botol menghala ke bawah) dengan menggunakan tangan sebelah lagi dan titiskan ubat sedekat mungkin dengan mata tanpa menyentuh hujung botol tersebut.
6. Selepas ubat di titiskan, tutup mata selama 2 hingga 3 minit dan tundukkan kepala anda. Jangan berkelip atau mengosok kelopak mata anda.
7. Tekan perlahan-perlahan sudut dalam setiap mata.
8. Lap lebihan cairan yang keluar dari mata.
9. Jika perlu menggunakan lebih dari satu jenis ubat titis mata, tunggu 5 minit sebelum menggunakan ubatan seterusnya.
10. Jangan lap atau basuh bahagian atas hujung botol tersebut. Tutup botol kembali selepas digunakan.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan:

Jangan biarkan bahagian hujung botol menyentuh mana-mana permukaan termasuk bahagian mata atau tangan. Jika bahagian hujung botol tercemar ia akan mengakibatkan jangkitan kuman pada mata dan boleh menyebabkan buta atau kerosakan mata yang teruk.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Pastikan tiada sesiapa menggunakan ubat anda. Ubat anda tidak boleh diisi semula. Jika anda masih mengalami gejala tersebut selepas habis menggunakan CIPOFAIN sila rujuk doktor .

### KESAN-KESAN SAMPINGAN

Semua ubat-ubatan akan memberi kesan sampingan tidak terkecuali CIPOFAIN tetapi tidak semua pesakit akan mengalaminya.

#### • Antara kesan-kesan yang mungkin anda alami pada mata anda:

- mata terasa pedih
- ketidakselesaan
- gatal-gatal
- rasa seperti ada sesuatu dalam mata
- mata dan dalam kelopak bawah mata kemerahan
- mata bernajis
- mata bengkak
- penglihatan kabur
- mata berair
- mata sensitif terhadap cahaya
- zarah putih di dalam mata

Jika terdapat zarah putih pada mata anda, teruskan penggunaan CIPOFAIN tetapi perlu segera maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi

#### • Anda mungkin mengalami kesan-kesan di tempat lain di badan termasuk:

- Pening dan muntah
- rasa pelik di dalam mulut
- alahan (seperti ruam, gatal, bengkak, sukar bernafas)

Jika kesan-kesan sampingan menjadi lebih teruk atau anda mendapati terdapat kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi. Jangan guna ubat ini jika anda mengalami alahan dan maklumkan pada doktor anda.

*Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI))*

### CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN CIPOFAIN

- Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C .
- Jauhkan dari cahaya.
- Pastikan penutup botol ditutup rapat.
- Jangan gunakan ubat yang melebihi tarikh luput yang tertera pada botol dan kotak.
- Jangan gunakan ubat lebih dari 28 hari selepas tarikh botol dibuka.
- Jangan buang lebihan ubat yang tidak digunakan ke dalam saluran air atau sampah di rumah. Sila rujuk pegawai farmasi cara pembuangan lebihan ubat tersebut. Langkah ini dapat memelihara alam sekitar daripada tercemar.
- **Jangan berkongsi ubat anda dengan sesiapa.** Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun simptom mereka sama dengan anda.

### MAKLUMAT LANJUT

#### Rupa dan warna produk

CIPOFAIN adalah cecair cerah yang tidak berwarna atau sedikit kekuningan yang dibekalkan dalam kotak. Setiap kotak mengandungi 1 botol plastik 5 mL bersama penutup berskru.

#### Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif ialah (3.5mg/mL) *Ciprofloxacin Hydrochloride Monohydrate* bersamaan dengan (3.0mg/mL) *Ciprofloxacin*
- Bahan tidak aktif adalah *benzalkonium klorida, asid asetik glasial, mannitol, dinatrium edetate, natrium asetat, , asid hidroklorik* (untuk selaras pH) dan air suntikan.

### MAL16075021AZ

### PENGILANG/PEMEGANG LESEN PRODUK:

 AIN MEDICARE SDN. BHD.

Jalan 6/44, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa 2, 16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tarikh kemaskini: 11/06/2019

Nombor Siri  
NPRAR(2/1)190418/115